

Headline	Zulkhairi harap Blue Warriors cemerlang		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	18 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	53
ArticleSize	271 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 31,905		



PEMAIN Blue Warriors (PDRM), Liyana Aqilah Mohd Sepawi ketika aksi liga hoki wanita.

Zulkhairi harap Blue Warriors cemerlang

LIGA HOKI WANITA

HARI INI

PKS Uniten **min** Blue Warriors
(Std Hoki Bkt Jalil, Sptg)

SELASA

MSN Kedah **min** KL Wipers
(Std Hoki Kulim, Sptg)

Penang Jrs **min** TLHT
(Std Hoki USM, Sptg)

Blue Warriors **min** PKS Uniten
(Std Hoki Tun Razak, Sptg)

Kuala Lumpur: Pengendali Blue Warriors, Zulkhairi Ariffin berharap barisan pertahanan 'bidan terjunnya' tampil cemerlang apabila turun menentang PKS Uniten-KPT dalam aksi ulangan Liga Hoki Wanita Malaysia (LHWM), hari ini.

Pertemuan di Stadium Hoki Bukit Jalil itu diadakan semula sebagai ganti kepada aksi pusingan pertama bulan lalu yang terpaksa dihentikan ekoran keadaan cuaca yang buruk.

Begitupun, kelebihan tampak memihak kepada PKS Uniten, biarpun kedua-dua pasukan kini terikat 22 mata di persada liga dengan berbakat empat aksi.

Ini kerana PKS Uniten dianggap sebagai serba lengkap di setiap posisi berbanding Blue Warriors yang terpaksa menggunakan khidmat dua pemain tengah Nadia Abd Rahman dan Marlia Moha-

med di bahagian pertahanan kerana kekurangan pemain di posisi terbabat sepanjang musim ini.

Perkara itu diakui Zulkhairi yang berharap dua tonggak pasukannya itu memastikan benteng pertahanan pasukan naib juara musim lalu itu tidak bocor apabila melayani kunjungan PKS Uniten yang sudah mencekak 43 jaringan pada musim ini.

"Peluang kedua-dua pasukan agak seimbang, cuma saya berharap barisan pertahanan kami akan tampil lebih kemas terutamanya Marlia dan Nadia yang setakat ini mempamerkan persembahan konsisten.

"Memang tidak dinafikan kami mempunyai penjaga gol terbaik Asia (Farah Ayuni Yahya), tetapi sekiranya berterusan diserang sampai bila dia mampu bertahan? Sebab itu bahagian pertahanan dan

tengah perlu patahkan gerakan lawan," katanya.

Marlia dan Nadia yang juga bekas kapten skuad hoki negara, beraksi di posisi pertahanan tengah sepanjang musim ini sambil dibantu Nor Aini Tajuddin dan Liyana Aqilah Sepawi sebagai pertahanan kiri dan kanan.

Malah, Zulkhairi tidak menolak kemungkinan akan meletakkan lebih ramai pemain di bahagian tengah bagi mematahkan serangan PKS Uniten yang menampilkan trio penyerang utama negara Hanis Nadiah Onn, Fatin Shafika Mahd Sukri dan Wan Norfaiezah Md Saiuti.

"Apapun saya berharap pemain saya tidak tewas dan sekurang-kurangnya cuba mencuri mata daripada PKS Uniten kerana kami langsung tidak boleh tewas pada baki empat perlawanan sekiranya mengimpikan kejuaraan."